

FERROTAB-200 TABLET (FILM COATED)

Ferrous fumarate (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ferrotab
2. Bagaimana Ferrotab berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ferrotab
4. Cara menggunakan Ferrotab
5. Semasa menggunakan Ferrotab
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ferrotab
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ferrotab

Ia digunakan untuk mencegah atau merawat kekurangan zat besi dalam anemia akibat daripada ketidakseimbangan pemakanan, kekurangan penyerapan, kehamilan dan kehilangan darah.

Bagaimana Ferrotab berfungsi

Zat besi adalah komponen wajib dalam pembentukan hemoglobin (komponen merah sel darah). Kuantiti mencukupi berkesan dalam pembentukan sel darah merah dan pengangkutan oksigen dalam darah.

Sebelum menggunakan Ferrotab

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil Ferrotab:
- jika ada alahan kepada ramuan-ramuan dalam tablet.
- keadaan hemochromatosis (gangguan yang diwarisi bila zat besi disimpan dalam tisu), hemosiderosis (gangguan berlebihan zat besi) dan keadaan lain, kecuali berkaitan dengan kekurangan zat besi
- jika sedang menerima suntikan zat besi.
- Sebelum menggunakan Ferrotab
- Berhati-hati semasa diguna dalam keadaan gangguan fungsi hati, penyakit gastrousus dan ulser usus.
- Elakkan penggunaan suplemen zat besi dalam kuantiti banyak sehingga beberapa kali sehari melebihi 6 bulan kecuali atas arahan doktor.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor jika anda mengambil:
- ascorbic acid
 - oral tetracycline (antibiotik)
 - antasid (untuk ulser gastrik)
 - teh

Cara menggunakan Ferrotab

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa: pencegahan: oral, 200–300mg setiap hari. Rawatan: oral, 200mg 3- 4 kali sehari, dos dipinda seperti yang

diperlukan. Kanak-kanak 6–12 tahun: pencegahan: oral, 100mg sehari. Rawatan: oral, 100mg 3 kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Tablet diambil sejam sebelum atau 2 jam selepas makan, atau dengan makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Ferrotab

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ferrotab. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Ferrotab kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Ketidakselesaan gastrousus, loya, muntah, sembelit, cirit-birit dan warna gelap najis mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ferrotab

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat warna perang, dwi cembung, berskor atas dan bersalut filem.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ferrous fumarate
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, hydroxypropyl methylcellulose dan air

- Nombor MAL

MAL19930088XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/10/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)301117/00335